



11 FEB, 2026

Isu kuil tanpa kebenaran di Melaka terkawal

Sinar Harian, Malaysia



Isu kuil tanpa kebenaran di Melaka terkawal

MELAKA - Isu rumah ibadat termasuk pembinaan kuil tanpa kebenaran di negeri ini berada dalam keadaan terkawal dan setiap aduan diterima diselesaikan secara harmoni.

Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Melaka, Datuk Rais Yasin berkata, kerajaan negeri mempunyai data berkaitan rumah ibadat bukan Islam termasuk yang tidak berdaftar, namun tiada keperluan untuk mendedahkan maklumat berkenaan.

Menurutnya, tindakan sewajarnya akan diambil mengikut lunas undang-undang sekiranya terdapat aduan atau isu yang benar-benar mengganggu ketenteraman awam.

"Kita faham isu yang dibangkitkan, namun saya yakin setiap negeri mempunyai permasalahan dan solusi yang mungkin sedikit berbeza tetapi berdasarkan dasar yang sama.

"Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Rumah Ibadat Selain Islam (RISI) di negeri

Melaka, saya sentiasa membawa perkara ini ke peringkat kerajaan negeri sekiranya terdapat isu yang benar-benar mengganggu, tidak kira melibatkan agama apa sekalipun terutamanya jika menerima aduan serius," katanya ditemui pada Program Merentas Desa di Sekolah Kebangsaan Cheng sempena Karnival Demi Paya Rumput, di sini, pada Selasa.

Rais yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput berkata, antara isu yang berjaya diselesaikan termasuk struktur kuil yang dibina di bawah pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Merlimau hasil campur tangan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh bersama ADUN Merlimau, Dr Muhamad Akmal Saleh, pihak TNB dan pengurusan kuil.

Selain itu, beliau memaklumkan kerajaan negeri juga sedang dalam proses menyelesaikan isu sebuah kuil yang terletak di tepi Sungai Melaka yang berada di atas tanah pe-
maju.